

15/12/2001

Kerajaan Pusat beri RM60j projek luar bandar Kelantan

KERAJAAN Pusat sehingga kini menyalur peruntukan kira-kira RM60 juta untuk pelaksanaan pelbagai projek kecil luar bandar di Kelantan bagi membantu penjanaaan dan pertumbuhan ekonomi lebih rancak kawasan terbabit.

Pemberian peruntukan itu dibuat sebagai sebahagian cabang program pembangunan ekonomi di seluruh negara menerusi pakej rangsangan ekonomi yang keseluruhannya berjumlah RM4.3 bilion disediakan kerajaan.

Berikutan itu, pelbagai pelaksanaan projek pembangunan ekonomi luar bandar di negeri itu sedang rancak berjalan dalam tempoh tiga bulan terakhir ini dan semuanya dijangka dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata peruntukan projek pembangunan luar bandar di Kelantan itu antara lain membabitkan kerja membaik pulih sekolah, klinik, balai polis, kem tentera dan menurap jalan.

"Dalam tempoh tiga bulan ini, Kelantan menerima kira-kira RM60 juta untuk melaksanakan pelbagai projek luar bandar berkenaan," katanya selepas menyampaikan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada orang miskin di Dewan Utama, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, di Kota Bharu, kelmarin.

Seramai 2,100 rakyat termiskin dan daif di Kelantan termasuk Cina, India dan Thai menerima bantuan wang tunai RM100 seorang sumbangan Kerajaan Pusat, sebagai hadiah sempena menyambut Aidilfitri.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan, kira-kira tujuh peratus daripada 23 juta rakyat negara ini, termasuk kaum Cina dan India akan menerima sumbangan RM100 seorang sebelum Aidilfitri.

Mustapa berkata, yang jelas dalam keadaan banyak negara masih bergelut dengan masalah ekonomi berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat termasuk Jepun, tetapi Malaysia mampu berbelanja khususnya untuk faedah rakyat termasuk di luar bandar bagi menjana ekonominya.

"Tahun ini adalah tahun istimewa kepada rakyat negara ini kerana pelbagai bantuan kerajaan berikan kepada rakyat.

"Bantuan itu sama ada berbentuk kemudahan asas atau meringankan beban hidup rakyat miskin sudah mencukupi membuktikan Kerajaan Pusat tidak mengamalkan sikap diskriminasi seperti yang didakwa," katanya.

Mengenai sumbangan wang kepada rakyat miskin dan daif di Kelantan, Mustapa berkata, bagi tujuan itu Kerajaan Pusat membelanjakan RM210,000 yang diagihkan kepada golongan itu dengan tujuan membantu meringankan beban mereka terutama menjelang sambutan Aidilfitri ini.

"Setiap orang dapat RM100, ini adalah tahun bersejarah bagi Malaysia dan rakyat... tidak pernah lagi sehebat ini perjuangan kerajaan membela kepentingan rakyat. Ini semua kerana kita mempunyai kekuatan asas ekonomi yang tersendiri.

"Jadi, kita harus bersyukur dan sebagai rakyat perlu ada peranan membantu kerajaan untuk terus mengukuh dan mengembangkan ekonomi kepada tahap lebih baik.

"Sebenarnya kerajaan banyak membela kita dan menyelamatkan negara dari kemelesetan ekonomi, mengukuhkan perpaduan dan kestabilan politik menyebabkan ramai pelabur asing terus berminat menanam modal di negara ini," katanya.

(END)